



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/41/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**PERKHIDMATAN AGEN PENGEMBARAAN BAGI LAWATAN TEKNIKAL KE KEW  
ROYAL BOTANICAL GARDEN, WAVERTREE BOTANICAL PARK, SEFTON PARK,  
HEATON PARK DAN ROYAL HORTICULTURAL SOCIETY CHELSEA INTERNATIONAL  
FLOWER SHOW UNITED KINGDOM**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di bawah **Kod Bidang (Kod 221307) Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Pelancongan, sub bidang Agen Pengembaraan** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk melaksanakan perkhidmatan di atas.
2. Taklimat sebut harga adalah **TIDAK BERKAITAN**. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan di portal rasmi Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **2 MEI 2024 (KHAMIS)** hingga **7 MEI 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Syarikat juga hendaklah membawa **Satu (1) salinan sijil Akuan Pendaftaran MOF** bagi urusan pembelian dokumen. Wakil syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran MOF untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **9 MEI 2024 (KHAMIS)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(LAr.HASLINDA BINTI KHALID)**

Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya